

Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
 - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
 - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

BAB 2

LATAR BELAKANG DR YUSUF AL-QARADHAWI DAN SYEIKH ABDUL AZIZ BIN BAZ

A. DR YUSUF AL-QARADHAWI¹

1. Latar Belakang Keluarga.

Nama penuh beliau ialah Yusuf bin Abdullah bin Ali bin Yusuf Al-Qaradawi. Dalam kalangan masyarakat antarabangsa dan akademik, beliau dikenali sebagai Dr Yusuf Al Qaradawi atau panggilan mesranya Syeikh Yusuf Al-Qaradawi. Beliau dilahirkan pada 9 september 1926M di sebuah desa yang bernama Safat Turab, di pekan Al-Mahallah Al-Kubra, daerah Al-Muhafazah Al-Gharbiyyah, Mesir. Kampung tersebut terletak berdekatan kota Tanta. Al-Qaradawi berasal dari keluarga yang kuat beragama. Keluarga sebelah bapanya bekerja dalam sektor pertanian. Manakala sebelah ibunya pula menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Bapanya Abdullah meninggal dunia ketika beliau baru berumur dua tahun.

Al-Qaradawi tinggal bersama bapa saudara sebelah bapa. Dia menjaga Al-Qaradawi dengan cukup baik. Beliau menganggap bapa saudaranya seperti bapanya sendiri dan sepupunya seperti adik-beradik sendiri kerana beliau adalah anak tunggal. Ketika berusia lima tahun, bapa saudaranya menghantar beliau mengaji al-Quran sehingga mampu menghafaz al-Quran pada usia 10 tahun, seperti bapa saudaranya

¹ Biografi Agong Dr Yusof Al Qaradawi , Karya Bestari Cetakan 1 2016, Prof Madya Dr Mohamed Kamil Abd Majid. MS 2.

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
 - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
 - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

yang juga seorang penghafal al-Quran, sebelum beliau dilantik sebagai imam di kampungnya. Al-Qaradawi mendirikan rumahtangga dengan Is`ad ketika berusia 32 tahun pada bulan Julai 1958 dan dikurniakan tujuh orang anak Ilham, Siham, `Ula, Asma`, Muhammad, Abdul Rahman dan Usamah.²

2. Pendidikan dan Pencapaian Akademik.

Al-Qaradawi sendiri menggambarkan persekitaran kampungnya seperti cerminan perkampungan Islam tradisional di Mesir. Terdapat empat buah sekolah al-Quran yang dikenali dengan panggilan Katatib (kata jamak daripada kuttab). Di sana juga terdapat beberapa orang ulama lepasan Universitas al-Azhar yang cukup terkenal seperti Syeikh Abdul Muttalib al-Battah, lulusan Fakultas Syariah al-Azhar; Syeikh Ahmad al-Battah, pendakwah al-Azhar; Syeikh Ahmad Muhammad Saqar, dosen Fakultas Usuluddin al-Azhar dan Syeikh Ahmad Abdullah, dosen Fakultas Syariah al-Azhar. Al-Qaradawi telah menyambung pelajarannya di sekolah kerajaan di kampungnya. Selepas itu, beliau melanjutkan pelajarannya di Sekolah Menengah Agama Tanta selama sembilan tahun iaitu empat tahun di peringkat rendah dan lima tahun di peringkat menengah sehinggalah beliau berjaya menyambung pelajarannya ke Fakultas Usuluddin, Universitas al-Azhar, Kaherah. Pada sesi 1952/53, beliau berjaya menjadi pelajar paling cemerlang dalam kalangan rakan-rakannya seramai 180 orang mahasiswa.

² Biografi Agong Dr Yusof Al Qaradawi, Karya Bestari, Cetakan 1 2016 H. 23.

Selepas menamatkan ijazah S1 dalam bidang Usuluddin, al-Qaradawi menyambung pengajiannya ke peringkat pengkhususan ('Alimiyyah') dengan Diploma Pendidikan. Sekali lagi kecemerlangan beliau begitu terserlah apabila menjadi pelajar paling cemerlang daripada 500 orang pelajar dalam bidang Usuluddin, Syariah dan Bahasa Arab. Al-Qaradawi kemudiannya menyambung pengajian di Akademi Pendidikan dan Kajian Arab dengan mendapat Diploma Lulusan Ijazah dalam jurusan Bahasa Arab dan Sastera Arab pada tahun 1958M.

Pada tahun 1960, Al Qaradawi berjaya memperoleh ijazah S2 dalam bidang 'Ulum Al Quran was Sunnah dari Fakultas Usuluddin. Kemudian kecemerlangan al-Qaradawi semakin terserlah apabila berjaya mendapat Ijazah Kedoktoran S3 dalam bidang 'Ulum Hadis menerusi tesis beliau yang berjudul *az-Zakah wa Atharuha fi Halli al-Masyakil al-Ijtima'iyyah* pada tahun 1973. Kelewatan Al Qaradawi memperoleh ijazah S3 ini adalah disebabkan suasana politik di Mesir yang tidak menentu pada waktu itu. Al-Qaradawi memulakan kerjayanya sebagai seorang siswazah Usuluddin dengan menjadi khatib di beberapa buah masjid. Namun kerana keterlibatan beliau dengan gerakan Ikhwan Muslimin yang dicurigai pihak kerajaan, beliau diberi tugas sebagai Nazir Masjid dan bahagian harta wakaf³ sehinggalah beliau dilantik menjadi Pengetua Maktab Imam-Imam di bawah kelolaan Kementerian Wakaf, Mesir. Beliau seterusnya dipindahkan ke jawatan pengurus

³ Al Qaradawi (1995), op.cit, Ibn Al Qaryah wa al kuttab, Jil 2, h 248

percetakan di Jabatan Dakwah, Bahagian Pentadbiran Awam, Seksyen Kebudayaan Islam di al-Azhar.⁴ Pada masa itu Syeikh Mahmud Shaltut menjadi Syeikh al-Azhar.

Pada tahun 1961, beliau dipinjamkan ke negara Qatar menjadi Pengetua Sekolah Menengah Agama. Pada tahun 1973, beliau mengasaskan Fakultas Pendidikan khusus untuk lelaki dan wanita. Dari dua buah fakultas ini menjadi asas kepada penubuhan Universitas Qatar, beliau dilantik menjadi peneraju pertama Jabatan Pengajian Islam. Al-Qaradawi diberi kepercayaan menjadi Dekan Fakultas Syariah dan Pengajian Islam Universitas Qatar mulai 1977 sehingga tahun 1990 iaitu kira kira selama 13 tahun. Selepas itu beliau mengasaskan pula Pusat Kajian as-Sunnah dan as-Sirah Nabawiyah Universitas Qatar⁵. Di samping itu beliau juga pernah dipinjamkan ke Algeria untuk memimpin Majlis Akademik Universitas-universitas dan Pusat Pengajian Tinggi Algeria pada tahun 1991⁶. Kini Al Qaradawi diberi kerakyatan negara Qatar setelah kerakyatannya ditolak oleh kerajaan Mesir⁷. Al-Qaradawi juga melibatkan diri dan mengetuai lebih 22 buah pertubuhan antarabangsa seperti Ketua Kesatuan Ulama Islam Sedunia yang berpusat di Doha, Pendidikan di Qatar, Pusat Kajian Peradaban di Qatar dan Jordan, Fiqh Islam dan Rabitah al-Alam al-Islami di Mekah, Sastera Islam, Ekonomi, Dana dan Perbankan Islam di Kaherah, Qatar, Kuwait dan Swiss, Ahli Kehormat pengajian Islam di Universitas Islamabad, Universitas Oxford dan Peranchis, Majlis Dakwah di Sudan,

⁴ Ibid. h. 280-281.

⁵ Ibid, h.9. lihat juga dalam Al Qardhawi (1995), Ibn Qaryah, h.390-391

⁶ Ibid.

⁷ Al Qaradawi (1995), op.cit, Ibn Qaryah, Jil ii, H. 274-275

Persatuan Media di Pakistan serta Pertubuhan Budaya, Fatwa dan Penyelidikan di Eropah⁸.

3. Penglibatan Dalam Gerakan Islam.

Sejak awal lagi al-Qaradawi bergerak dalam gerakan Ikhwan al-Muslimin. Beliau sempat berguru dengan Hasan al-Banna, pengasas gerakan tersebut⁹. Implikasi dari gerakan membangkang kerajaan yang diikutinya, beliau pernah dipenjara beberapa kali iaitu pada tahun 1949. Ketika ini, beliau masih lagi di sekolah menengah dan semasa pemerintahan Raja Farouq. Pada Zaman awal revolusi Mesir 1954, beliau sekali lagi di tangkap selama 20 tahun. Pada tahun 1962, selama tujuh minggu beliau dipenjara. Apa yang paling nyata daripada sumbangan al-Qaradawi dalam kebangkitan Islam ialah kritikan dalaman terhadap petugas petugas gerakan Islam yang kadang kala kurang mesra dengan fatwa-fatwa yang keras dan bersikap melampau dalam beberapa cabang amalan sehingga tersasar daripada dasar yang lebih bersifat fleksibel. Dengan istilah yang lebih tepat, beliau mengkritik mereka yang tidak dapat menyeimbangkan di antara Fiqh al-Nusus, Fiqh al-Waqi dan Fiqh al-Awlawiyyat¹⁰.

⁸ Junditarbawi.blogspot.my

⁹ Al-Qaradawi (1995), op.cit. Ibn Qaryah, Jil 1, Hal 159 dan 285-294. Ketika belajar di peringkat sekolah rendah, beliau mula mendengar syarahan Hassan Al Banna. Setelah beliau berpindah belajar ke Al Azhar, Kaherah, Qardawi mengenali Ulama Ulama Azhar yang terlibat dengan Ikhwan Muslimin seperti Syeikh Ahmad Hassan Al Baquri, Syeikh Muhammad Al Ghazali, Syeikh Syed Sabiq dan lain lain.

¹⁰ Muhammad As Sayyid al Jalayand (2004), "*Al Manhaj wa Al Manhajiyah fi fikr Al Syeikh Yusuf Al Qardhawi' dalam Yusuf Al Qardhawi, kalimat fi takrimihi* , Jil 2, Kaherah, Dar El Salam, H. 728.

4. Penglibatan Dalam Isu Palestina.

DR Yusuf Al-Qaradawi juga sangat prihatin dengan masalah yang berlaku kepada umat Islam dan negara Palestin . Beliau banyak kali mengecam kepada Israel dan negara sekutunya, Amerika Serikat dalam khutbah jumaat mahupun dalam ceramah dan tulisan-tulisan beliau. Beliau juga mencam sikap negara-negara umat Islam yang berlepas tangan dalam isu yang menimpa umat Islam Palestin. Al-Qaradawi telah mengunjungi Gaza atas jemputan Perdana Menteri Palestina, Ismail Haniyeh pada 8 dan 9 Mei 2013 yang disambut dengan secara besar-besaran oleh rakyat Palestina. Dalam ucapan ketika majlis meraikan ketibaannya, beliau telah mengingatkan penduduk Palestina agar sentiasa mengingati janji perjuangan ini bersama iaitu membebaskan tanah Gaza dan bumi Palestina kesemuanya dan diwariskan semangat ini kepada generasi baru bumi al-Quds. Al-Qaradawi juga telah dianugerahkan Ijazah Kedoktoran Honouris Causa oleh Universitas Islam Gaza. Kerajaan Palestina juga telah berbesar hati memberikan kerakyatan dan warganegara Palestina¹¹ kepada beliau atas sumbangannya yang besar kepada perjuangan pembebasan Palestina.

Al-Qaradawi selaku Ketua Umum Kesatuan Ulama Islam Sedunia juga telah menegaskan dalam laman web rasmi Kesatuan Ulama Islam Sedunia itu akan pendirian yang sangat tegas berkenaan isu Gaza dan menyeru untuk diadakan hari khusus untuk Palestina, beliau menyebut secara jelas bahwa Ummat Islam wajib bantu Palestina berdasarkan kemampuan masing masing. Bahkan beliau pernah berkata “ seluruh kehidupanku telah aku penuhi dengan mengajak ke arah Jihad

¹¹ Baaraknahawlahu.blogspot.my

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
 - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
 - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

Palestina, menentang sifat kebinatangan Israel sejak tahun 1948 hinggalah ke hari ini, bahkan jika aku diberi kekuatan pada hari ini, aku akan pergi ke Palestina untuk berjihad di sana kerana sesungguhnya isu Palestina adalah isu umat Islam paling utama yang tidak patut kita lupakan”¹². Beliau juga telah memuji dan mengeluarkan fatwa mengharuskan tindakan pemuda Palestina yang melakukan operasi pengebom bunuh diri ke atas Yahudi di bumi Palestina. Beliau sehingga kini telah disenarai hitam pasportnya dari memasuki beberapa negara akibat ketegasan serta kelantangan beliau terhadap beberapa isu umat Islam khususnya isu Rabi` Arabi dan isu Palestina¹³.

5. Karya Karya DR Yusuf Al-Qaradawi.

Penulisan Al Qaradawi merangkumi pelbagai bidang syariah Islamiyah seperti Fiqh dan Usul sebanyak 19 buah antaranya ialah al-Halal wal Haram Fil Islam, Fatawa Mu`asiroh, al-Ijtihad Fi as-Syari`ah al-Islamiyyah, Madkhal li ad-Diraasat al-Islamiyyah, Min Fiqh Dakwah Fil Islam, Nahwa Fiqh Muyassar Mu`asir, al-Fatwa Baina al-Indhibit wa at-Tasayyub, `Awamil as-Si`ah wal Murunah Fil as-Syari`ah al-Islamiyyah, al-Fiqh al-Islami Baina Asolah wa at-Tajdid, al-Ijtihad Al Mua`sir baina al-Indhibit wa Infirat, Fiqh Taharah, Fiqh Siyam, Fiqh Jihad, Fiqh al-`Aqaliyyat al-Muslimah, Fiqh al-Ghina wal Musiqqa, Ziway al-Misyar, al-Dawabit as-Syari`ah Lil Bina al-Masajid¹⁴.

¹² Muis.org.my

¹³ ibid

¹⁴ Biografi Agong Dr Yusuf Al Qaradawi, Karya Bestari, Cetakan 1 2016 H. 26

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
 - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
 - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

Dalam bidang al-Quran dan as-Sunnah pula, beliau telah menghasilkan 10 buah karya termasuklah as-Sobru Fil Quran, al- Aqlu wa al-`Ilm Fi Qurana al-Karim dan Kaifa Nata`amal Ma`al Quran al-Azim¹⁵. Dalam bidang lain, pecahan karya beliau ialah aqidah enam buah, dakwah dan tarbiyah enam buah, ekonomi Islam enam buah, isu-isu pemikiran dan gerakan Islam kontemporer 29 buah dan tasawuf empat buah. Keseluruhan buku-buku yang beliau hasilkan adalah melebihi 150 buah¹⁶. Dengan latar akademik yang tinggi, penglibatan dalam dunia akademik yang meluas, serta karya-karya yang banyak ini, tidak syak lagi bahwa al-Qaradhawi adalah seorang tokoh ulama ulung ketika ini.

B. SYEIKH ABDUL AZIZ BIN BAZ

1. Latar Belakang Keluarga.

Syeikh Abdul Aziz bin Baz berkata tentang dirinya, “nama lengkap saya ialah Abdul Aziz bin Abdillah bin Muhammad bin Abdillah Ali Baz. Saya dilahirkan di Kota Riyadh pada bulan Dzulhijjah 1330H. Dahulu ketika saya baru memulai belajar agama, saya masih bisa melihat dengan baik. Namun qadarullah pada tahun 1346H, mata saya terkena infeksi yang membuat rabun. Kemudian lama kelamaan kerana tidak sembuh sembuh mata saya tidak dapat melihat sama sekali. Musibah ini terjadi pada tahun 1350H. Pada saat itulah saya menjadi seorang tuna netra. Saya ucapkan Alhamdulillah atas musibah yang menimpa saya ini. Saya memohon kepada-Nya semoga Dia berkenan menganugerahkan bashiroh (mata hati) kepada saya di dunia ini

¹⁵ Ibid

¹⁶ Ibid

Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
 - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
 - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

dan di akhirat serta balasan yang baik di akhirat seperti yang dijanjikan oleh-Nya melalui Nabi Muhammad SAW atas musibah ini. Saya juga memohon kepada-Nya keselamatan di dunia dan akhirat.¹⁷

2. Pendidikan Dan Pencapaian Akademik

Syeikh Abdul Aziz bin Baz juga menyatakan “ mencari ilmu telah saya tempuh semenjak saya anak-anak. Saya menghafal al-Quran al-Karim sebelum mencapai usia baligh. Hafalan itu diujikan di hadapan Syeikh Abdullah bin Furaij. Setelah itu saya mempelajari ilmu-ilmu syariat dan bahasa Arab melalui ulama-ulama di kota kelahiran saya sendiri. Para guru yang saya sempat ambil ilmu adalah Syeikh Muhammad bin Abdul Latif bin Abdul Rahman bin Hassan bin as-Syeikh Muhammad bin Abdul Wahab, seorang Hakim di kota Riyadh; Syeikh Hamid bin Faris, seorang pejabat wakil Urusan Baitul Mal, Riyadh; Syeikh Sa`ad, Qadhi Negeri Bukhara, seorang Ulama Mekah. Saya menimba ilmu Tauhid darinya pada tahun 1355H; Samahatus Syeikh Muhammad bin Ibrahim bin Abdul Latif Alu Syeikh, saya bermulazamah padanya untuk mempelajari banyak ilmu agama, antara lain, aqidah, fiqh, hadis, nahu, faraid, tafsir dan sirah selama kurang lebih 10 tahun mulai 1347 sampai tahun 1357H. Semoga Allah swt membalas jasa-jasa mereka dengan balasan yang mulia dan utama.”¹⁸

¹⁷ Majmu` Fatawa wa maqalat mutanawwi`ah, Syeikh Abd Aziz Bin Baz Mauqi Ibn Baz. H.

¹⁸ Majmu` Fatawa wa maqalat mutanawwi`ah, Syeikh Abd Aziz Bin Baz Mauqi Ibn Baz. H.



Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
 - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
 - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

Selanjutnya Syeikh Bin Baz berkata lagi, “Dalam memahami fiqh, saya memakai thariqah Ahmad Bin Hanbal Rahimahullah. Hal ini saya lakukan bukan semata-mata taqlid kepada beliau, akan tetapi yang saya lakukan adalah mengikuti dasar-dasar pemahaman yang beliau tempuh. Adapun dalam menghadapi ikhtilaf ulama, saya memakai metodologi tarjih, kalau dapat ditarjih dengan mengambil dalil yang paling shohih. Demikian pula ketika saya mengeluarkan fatwa, khususnya bila saya ketemu silang pendapat di antara para ulama, baik yang mencocoki pendapat Imam Ahmad atau tidak. Kerana al-Haq itulah yang pantas diikuti. Allah swt berfirman :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ
إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

“Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul serta ulul amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu maka kembalikanlah dia kepada Allah (al-Quran) dan Rasulnya (hadis) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama bagimu dan lebih baik akibatnya “ (Surah an Nisa: 59)

Syeikh Abdul Aziz Bin Baz juga telah di amanahkan dengan banyak jabatan dan tugas sesuai dengan keilmuannya yang tinggi. Antaranya ialah menjadi hakim (qadhi) dalam waktu yang panjang, sekitar 14 tahun dari bulan Jamadil Akhir tahun 1357H; dosen di Ma`had `Ilmi Riyadh tahun 1372H dan dosen ilmu fiqh, tauhid dan hadis sampai pada tahun 1380H. Pada 1381-1390H, beliau dilantik sebagai Wakil Rektor Universitas Islam Madinah, dan seterusnya sebagai Rektor Universitas Islam Madinah pada tahun 1390H menggantikan Syeikh Muhammad bin Ibrahim Ali Syeikh yang wafat, sehingga 1395H. Pada tanggal 13 bulan 10 tahun 1395H Syeikh

telah diangkat menjadi Pimpinan Umum yang berhubungan dengan penelitian ilmiah, fatwa fatwa, dakwah dan bimbingan keagamaan.¹⁹

Di samping jabatan-jabatan resmi yang di pegang oleh Syeikh Abdul Aziz bin Baz, beliau juga aktif di pelbagai organisasi Islam seperti menjadi anggota Kibarul Ulama di Mekah, Ketua Lujnah Daimah terhadap penelitian dan fatwa dalam masalah keagamaan di dalam lembaga Kibarul Ulama, anggota pimpinan Majelis Tertinggi Rabitah Alam Islami, Pimpinan Majelis tinggi untuk masjid-masjid, Pimpinan kumpulan penelitian fiqh Islam di Mekah di bawah naungan organisasi Rabitah `Alam Islami, anggota majelis tinggi di Jami`ah Islamiyyah Madinah, dan anggota lembaga tinggi untuk dakwah Islam yang berpusat di Mekah.²⁰

3. Penglibatan Syeikh Abdul Aziz bin Baz Dalam Gerakan Islam

Penglibatan Syeikh Abdul Aziz bin Baz dalam gerakan Islam di Arab Saudi dalam pengertian gerakan Islam hari ini adalah tidak ada. Ini adalah disebabkan kerana Arab Saudi merupakan negara monarki dan konsitusinya berdasarkan hukum Islam, yang tidak berorientasi pada peran seseorang untuk terlibat dalam pembuatan atau perumusan hukum itu. Aturan pelaksanaan hukum Islam tersebut diawali dengan berperannya dewan kerajaan. Orang-orang Saudi yang berperan sebagai penjaga kota suci umat Islam iaitu Makkah dan Madinah mempunyai tanggungjawab khusus dalam melindungi masyarakat muslim dan pandangan hidup Islam.²¹ Dalam sistem politik ini memang tidak demokratis, namun seiring dengan perkembangan dan munculnya

¹⁹ Majmu` Fatawa wa maqalat mutanawwi`ah, Syeikh Abd Aziz Bin Baz Mauqi Ibn Baz. H. 9

²⁰ Ibid.

²¹ Politik Pemerintahan Arab Saudi, diharjaangga.blogspot.my

Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
 - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
 - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

kekuatan yang mereka mampu”²³. Syekh Abdul Aziz bin Baz malah menyeru kepada negara-negara umat Islam yang lain agar memberikan bantuan kepada negara Palestin dengan fatwanya “ maka wajib kepada negara-negara umat Islam yang lain dan juga kepada ummat Islam yang lain agar menyokong mereka.²⁴ Malah, Bin Baz juga telah mengeluarkan fatwa dukungan beliau terhadap Mujahidin Palestina dan bahwa mereka berhak menerima zakat. Kata Syekh “sungguh saya menyeru semua saudara saya di kalangan muslim baik pemerintah muslim mahupun orang kaya di semua tempat untuk menyumbang rejeki mereka kepada saudara mereka para mujahidin di Palestina dalam bentuk zakat yang telah diwajibkan.”²⁵

5. Karya-Karya Syekh Abdul Aziz bin Baz

Syekh Abdul Aziz bin Baz telah mengarang puluhan buku karya ilmiah, antaranya al-Faidhul Hilyah fi Mahabits Fardhiyah, at-Tahqiq wal Idhah Li Katsirin min Masailil Haj wal Umrah Wa Ziarah, at Tahdzir minal Bida’ mencakup 4 pembahasan (Hukmul Ihtifal bil Maulid Nabi wa Lailatil Isra’ wa Mi’raj, wa Lailatun Nifshi minas Sya’ban wa Takdzibir Ru’yal Mar’umah min Khadim al-Hijr an-Nabawiyah al-Musamma asy-Syaikh Ahmad), Risalah Mujazah fiz Zakat was Shiyam, al-Aqidah as-Shahihah wama Yudhadhuha, Wujubul Amal bis Sunnatir Rasul Sholallahu Alaihi Wasallam wa Kufru man Ankaraha, ad-Dakwah Ilallah wa Akhlaqud Da’iyah, Wujubu Tahkim Syar’illah wa Nabdzu ma Khalafahu, Hukmus Sufur wal

²³ Majmu` Fatawa wa maqalat mutanawwi`ah, Al Allamah Abd Aziz bin Bazz, Jild 18, m/s 416 – 418 , 2004, Masihi Dar Al Qasim , cetakan 1,2004, Dar Al Qasim, Riyadh.

²⁴ Majmu` Fatawa wa maqalat mutanawwi`ah, Al Allamah Abd Aziz bin Bazz, Jild 18, m/s 416 – 418 , 2004, Masihi Dar Al Qasim , cetakan 1,2004, Dar Al Qasim, Riyadh.

²⁵ Majmu` Fatawa Ibnu Bazz jilid 18 hal 408 -

Hijab wa Nikah As Sighar, Naqdul Qawiy fi Hukmit Tashwir, al-Jawabul Mufid fi Hukmit Tashwir, asy-Syaikh Muhammad Bin Abdil Wahhab (Da'wah wa Siratuhu), Tsalatsu Rasail fis Shalah: Kaifa Sholatun Nabi Sholallahu 'Alaihi Wasallam, Wujubu Ada'is Shalah fil Jama'ah, Aina Yadha'ul Mushalli Yadaihi hinar Rafi minar Ruku', Hukmul Islam fi man Tha'ana fil Qur'an au fi Rasulillah Sholallahu 'Alaihi Wasallam, Hasyiyah Mufidah 'Ala Fathil Bari, Risalatul Adilatin Naqliyah wa Hissiyah 'ala Jaryanis Syamsi wa Sukunil 'Ardhi wa Amakinis Su'udil Kawakib, Iqamatul Barahin 'ala Hukmi man Istaghatsa bi Ghairillah au Shaddaql Kawakib, al-Jihad fi Sabilillah, Fatawa Muta'aliq bi Ahkami Haj wal Umrah wal Ziarah dan Wujubu Luzumis Sunnah wal Hadzr minal Bid'ah.

© Hak cipta ini milik UIN Suska Riau

State Islamic University of Sultan Syarif Kasim Riau

Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
 - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
 - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

